

HALAL PRODUCT INNOVATION SHOWCASE UNISSA PAMERKAN LEBIH 50 PROJEK BERKUALITI



ANTARA projek yang ditampilkan pada Halal Product Innovation Showcase 2022, yang dianjurkan oleh Universiti Islam Sultan Sharif Ali melalui Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban dengan kerjasama Fakulti Pertanian (atas dan kanan).



■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

TUTONG, Khamis, 10 November. - Halal Product Innovation Showcase 2022, baru-baru ini, dianjurkan oleh Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT) dengan kerjasama Fakulti Pertanian, menampilkan 54 projek mahasiswa. Pameran mengambil tempat di

UNISSA, Kampus Sinaut, Tutong dan berlangsung selama dua hari, bermula 7 hingga 8 November 2022, dari jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa, diikuti dengan ucapan perasmian oleh Pengarah PPHT, Pengiran Dr. Hajah Norkhairiah binti Pengiran Haji Hashim merangkap Pengerusi

pameran tahun ini. Dalam ucapan perasmiannya, Pengarah PPHT menekankan, bahawa pameran berkenaan menjurus ke arah menyediakan platform kepada mahasiswa untuk mempamerkan produk, projek dan kreativiti serta idea inovatif mereka kepada orang ramai. Turut hadir menyaksikan pameran ialah institusi pengajian tinggi, sekolah menengah dan

rendah serta kakitangan dan mahasiswa universiti. Daripada 54 projek tersebut, 12 produk halal inovatif dipamerkan oleh mahasiswa kursus modul Objective of Islamic in Halal Industry; lapan projek daripada mahasiswa kursus modul Logistik Halal; 11 projek daripada mahasiswa kursus modul Halal Consumerism; 12 projek daripada mahasiswa kursus modul

Introduction to the Science of Halalan Thayyiban; 10 projek daripada modul Philosophy of Halalan Thayyiban; dan satu projek yang diketengahkan oleh mahasiswa Fakulti Pertanian. Diharap pameran tersebut akan menjadi acara tahunan, yang dianjurkan oleh PPHT, bertujuan untuk meraikan pencapaian mahasiswa dengan menonjolkan projek mereka yang berkualiti.